

20/06/2001

BBM hantar kertas cadangan

KUALA LUMPUR, Selasa - Badan Bertindak Melayu (BBM) hari ini, menghantar satu memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menggesa diwujudkan semula kemudahan biasiswa bagi pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi.

Ketua Jawatankuasa Penyelaras Memorandum Kepentingan Melayu, Datuk Paduka Ibrahim Ali, berkata memorandum itu memberi penekanan pelaksanaan dasar kerajaan terhadap kepentingan Melayu terutama bidang pendidikan dan ekonomi.

"Memorandum ini dibuat selepas empat bulan berlalunya perhimpunan Tak Melayu Hilang Di Dunia 4 Februari lalu. Kami membuat susulan dari perhimpunan itu dengan mencadangkan agar isu pendidikan dan ekonomi Melayu dibincang dan dilaksana secara makro," katanya.

(END)